

# UMS, AJKK beri sumbangan kepada penduduk Kg Pengkalan Mengkapon

UB 11.7.2019 A4


PITAS: Jawatankuasa Kebajikan Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) serta Persatuan Alumni FSSA memberi sumbangan mesin jahit dan pakaian kepada penduduk Kampung Pengkalan Mengkapon, di sini.

Projek penyerahan mesin jahit itu adalah salah satu inisiatif Alumni FSSA sebagai program khidmat masyarakat untuk memberikan peluang kepada penduduk menjana pendapatan melalui aktiviti menjahit pakaian.

Dua set mesin jahit didermakan oleh Akademi Jahitan Kota Kinabalu (AJKK) kepada dua penduduk kampung, iaitu Murni Mahaya dan Norlina Tuah.

Sumbangan disampaikan Dekan FSSA Prof Dr Baba Musta dengan disaksikan Timbalan Pengerusi Kelab Kebajikan

BABA (lima kanan) menyampaikan mesin jahit kepada Norlina.



**ROMBONGAN FSSA bergambar bersama sumbangan lain yang hendak disampaikan kepada penduduk Kg Pengkalan Mengkapon, Pitas.**

FSSA Dr Khalizan Sabullah, Penasihat Persatuan Alumni FSSA Prof Madya Dr Darmesah Gabda dan Pengurus AJKK Alicia Lenson.

Dalam pada itu, Alicia ketika ditemui berkata mesin jahit itu merupakan sumbangan awal dan sekiranya ada keperluan dan permintaan, pihaknya boleh meluaskan lagi sumbangan kepada penduduk lain.

“Kami di AJKK juga boleh mengadakan sesi latihan dan bengkel kemahiran untuk memberi bimbingan kepada penduduk kampung menjahit pakaian,” katanya.